

LAYANG-LAYANG RUMAH
House Swift

FAMILI: Apodidae
NAMA SINTIFIK: *Apus affinis*



CIRI-CIRI

Keseluruhan bulu berwarna kehitaman dengan warna putih di leher dan tongkengnya. Spesies ini mempunyai sayap yang lebar dan hujung ekornya seakan-akan bersegi. Burung juvenil mempunyai warna sayap yang lebih pudar berbanding burung dewasa.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung ini adalah di antara 14.0-15.0 sm.

MAKANAN

Serangga.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di kawasan bandar, kawasan terbuka dan kadang kala boleh dijumpai di kawasan hutan sehingga ketinggian 2, 300 m dari paras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi *der-der-der-dit.....* yang laju dan *siksiksik-sik-sik....*

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah sepanjang tahun dan hidup secara berkoloni. Sarang bagi burung ini terdiri daripada gabungan beberapa sarang-sarang kecil dan ia juga mendiami struktur dan binaan buatan manusia atau kawasan berbatu. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur dengan anggaran saiz kira-kira 22.7 mm X 14.9 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.